

SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2020
SKRIP WAWANCARA RADIO “ALAM PERLUKAN KITA”

TARIKH : 10 JUN 2020 (RABU)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : NEGERI FM

DISAMPAIKAN OLEH:
PUAN HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON

PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



1. Terangkan skop tugas Puan Pengarah dalam portfolio yang dipegang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak NegeriFM di atas kesudian untuk menjemput saya ke konti NegeriFM pada hari ini. Secara amnya, sebagai Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, saya bertanggungjawab untuk memantau aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Bahagian IV, (Perlindungan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Laut), Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.

Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atau dikenali juga sebagai Akta 127 bagi menjaga alam sekitar di Malaysia.

Jabatan Alam Sekitar merupakan salah satu agensi yang berada di bawah Kementerian baru iaitu Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Selain daripada menguatkuasakan undang-undang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga bertanggungjawab untuk menasihati pihak kerajaan Negeri Sembilan berkaitan isu-isu polisi supaya dasar-dasar kerajaan Negeri adalah selari dengan dasar kerajaan di peringkat nasional, di mana terdapat Dasar Alam Sekitar Negara yang sewajarnya menjadi panduan setiap negeri.

Objektif yang digariskan dalam Dasar Alam Sekitar Negara antaranya;

- Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan;

- Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat; dan
- Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Secara umumnya dapat kita lihat bahawa sebarang aktiviti dan pembangunan hendaklah selari dengan halatuju Dasar Alam Sekitar Negara itu sendiri. Saya percaya untuk agenda pembangunan secara lestari ini perlu dititikberatkan semua pihak bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyatnya secara keseluruhannya.

2. Apakah fungsi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974?

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal dan memperbaiki alam sekeliling. Selain itu, akta ini juga memberikan kuasa dengan peraturan-peraturan, perintah-perintah serta kaedah bagi melicinkan pelaksanaannya. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merupakan akta yang komprehensif dalam pencegahan dan pengawalan pencemaran melalui 3 bidang utama iaitu pencemaran air, udara dan pengurusan bahan buangan terjadual.

3. Boleh Puan memberikan penerangan ringkas bagi Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia secara umumnya?

Untuk makluman semua, Hari Alam Sekitar Sedunia adalah satu acara tahunan yang disambut pada 5 Jun setiap tahun oleh masyarakat di 143 negara seluruh dunia untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar serta melibatkan penyertaan orang awam.

Hari Alam Sekitar Sedunia mula disambut pada tahun 1972 dan telah berkembang menjadi sambutan utama seluruh dunia dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar.

Hari Alam Sekitar Sedunia merupakan hari untuk semua orang, dengan memberi peluang kepada semua pihak untuk mengambil bahagian dalam tindakan sejagat bagi menggalakkan perlindungan terhadap alam sekitar, menggunakan sumber dengan lestari serta mengamalkan gaya hidup yang mesra alam.

4. **Apakah tema bagi sambutan hari alam sekitar sedunia pada tahun ini?**

Setiap tahun sebuah negara akan dilantik untuk menjadi 'tuan rumah'. Tahun 2020 menyaksikan Colombia bersama Jerman telah dipilih menjadi negara penganjur dengan membawa tema "Biodiversity" sebagai subjek utama dalam sambutan pada kali ini. Selain itu, tema sambutan "Time for Nature" turut diketengahkan melalui platform *Sustainable Development Goal* (SDG) melalui *International Institute Sustainable Development* (IISD).

Malaysia meraikan Hari Alam Sekitar Sedunia bagi mempamerkan komitmen global dan turut menyambut Hari Alam Sekitar Negara (HASN) di peringkat domestik pada 21 Oktober setiap tahun sebagai simbolik kepada tahap keseriusan dan tanggungjawab negara dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

JAS Negeri Sembilan juga telah merancang program-program utama seperti berikut:

- 1) Program Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2020 pada 22 April 2020
- 2) Program Sambutan *World Environmental Day* pada 5 Jun 2020
- 3) Sambutan Hari Ozon Sedunia pada 13 dan 14 September 2020
- 4) Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Sembilan pada 22 Oktober 2020
- 5) Kem Kesedaran Alam Sekitar Bersama Rakan Alam Sekitar Negeri Sembilan pada November 2020.

5. Apakah aktiviti-aktiviti yang diadakan bagi sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2020?

Sehingga tahun 2019 yang lalu, pelaksanaan program melibatkan penglibatan awam secara fizikal dengan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kesedaran alam sekitar oleh semua pihak boleh diadakan, antaranya seperti seminar, ceramah, pameran alam sekitar, kem kesedaran alam sekitar dan sebagainya. Penganjuran program-program seumpama ini akan menarik minat masyarakat setempat untuk peka, memahami dan seterusnya menghayati mesej sayangi alam sekitar yang ingin disampaikan.

Dengan isu penularan pandemik Covid-19 ini, semua gerak kerja sambutan di seluruh dunia menyarankan agar aktiviti perkumpulan, perhimpunan awam seboleh mungkin dielakkan bagi menyokong usaha memutuskan jaringan penularan penyakit tersebut.

Bagi mengekalkan momentum dan tahap kesedaran masyarakat, sambutan pada tahun ini terus dijayakan dengan menggunakan platform yang melibatkan perhimpunan awam seminima mungkin melalui aplikasi dalam talian (online) seperti hebahan melalui facebook dan mengadakan pertandingan secara atas talian seperti kuiz, pertandingan poster dan montaj bertemakan alam sekitar .

Aktiviti penanaman pokok juga diketengahkan dengan penglibatan oleh staf JAS di kediaman sendiri dan oleh pihak industri di premis masing-masing serta Rakan Strategik JAS Negeri Sembilan yang memainkan peranan dan ikon utama dalam kempen penanaman pokok ini bagi Peringkat Negeri Sembilan sebagai menyerikan lagi simbolik Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini.

6. Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui tajuk Alam Perlukan Kita?

Dalam konteks pengurusan alam sekitar, alam memerlukan kita dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar seiring dengan pembangunan atau kemajuan yang seimbang dengan konsep pembangunan lestari.

Pemuliharaan membawa maksud membaik pulih sumber-sumber alam sekitar seperti air, hutan, tenaga, udara, mineral dan lain-lain yang telah digunakan tanpa membiarkan sumber-sumber itu daripada pupus.

Pemeliharaan pula meliputi aspek penjagaan dan perlindungan untuk mengekalkan sumber-sumber semula jadi daripada diteroka dengan rakus oleh manusia dan mempraktikkan sumber alam sentiasa dipelihara.

Sebagai contoh, aktiviti penanaman semula pokok perlu dilakukan untuk menggantikan pokok-pokok yang telah ditebang untuk pembangunan, pembukaan tanah dan aktiviti perhutanan. Untuk mencapai hasrat negara untuk menjadi negara yang maju maka perlulah semua rakyat berganding bahu untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan mampan. Aktiviti penanaman semula pokok perlulah ditingkatkan dan memastikan semua aktiviti pembukaan tanah dan hutan adalah selari dengan konsep pembangunan lestari.

7. Bolehkah Puan terangkan dengan ringkas tindakan yang telah diambil oleh JAS dalam menangani isu alam sekitar dari segi perundangan dan penguatkuasaan?

Hasil daripada pemeriksaan dan siasatan pegawai JAS Negeri Sembilan, bagi tahun 2019, sejumlah 128 kompaun telah dikeluarkan dan jumlah kutipan kompaun adalah sebanyak RM 192,300.00 di mana kesalahan yang dilakukan adalah di bawah Seksyen 29A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Pada tahun 2019 juga, sebanyak lima puluh (65) kertas siasatan untuk tindakan mahkamah telah dibuka dari pelbagai kesalahan. Ini adalah termasuk di bawah Seksyen 16, 18, 24, 25, 27, 29A, 34A, 34B dan di bawah Peraturan Udara Bersih. Daripada 65 kes tersebut, sejumlah 31 kes telah berjaya diselesaikan di mahkamah dan jumlah hukuman denda yang dikenakan adalah berjumlah RM 586,000.00.

8. Bagaimanakan pula pihak JAS memainkan peranan dalam menangani isu pembakaran terbuka?

Menurut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, tiada seorang pun boleh membenarkan atau meyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis atau tanah .

Pembakaran terbuka kebiasaannya berlaku di kawasan tapak pelupusan sampah, sisa pepejal di kawasan industri, tapak pembinaan, sisa kebun, sisa perladangan serta pembakaran di hutan simpan dan lain-lain lagi.

Mana-mana orang yang melanggar Subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM 500,00.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Dalam konteks menangani isu pembakaran terbuka ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan melalui Unit Aduan telah melakukan rondaan, siasatan dan pemeriksaan melalui aduan yang diterima daripada pelbagai pihak samaada orang awam, Badan Bukan Kerajaan(NGO), atau daripada badan Kerajaan bagi memastikan kawalan terhadap aktiviti pembakaran terbuka dijalankan.

Aduan yang diterima dari pelbagai pihak ini merupakan sumbangan penting dalam menentukan keberkesanan program penguatkuasaan dan juga merupakan maklumbalas di dalam pengurusan alam sekitar yang lebih berhemah sepanjang masa.

Jabatan ini telah melakukan rondaan berkala terutama di taman-taman perumahan, kawasan kebun dan berdasarkan aduan yang

dikemukakan dan memberikan kesadaran awam kepada penduduk melalui edaran poster dan penerangan ringkas kepada penduduk setempat tentang larangan pembakaran terbuka.

9. Selain menguatkuasakan undang-undang dan peraturan apakah program lain yang telah dilakukan oleh JAS terutamanya dalam menjaga alam sekitar?

Selain daripada menguatkuasakan undang-undang, Jabatan ini juga bertindak dalam memberikan kesedaran awam, dengan mengadakan program-program Pameran dan ceramah kesedaran alam sekitar di sekolah, institusi pengajian tinggi dan industri. Jabatan juga giat mengambil bahagian di dalam pameran bersempena program utama yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta:-

- i. Seminar dan taklimat perundangan alam sekitar dan pematuhannya;
- ii. Dialog bersama industri dan pelabur;
- iii. Program pembersihan sungai/pantai/ maktab/kampung;
- iv. Program lindungi spesies Sambutan Hari Bumi;
- v. Penguatkuasaan dan khidmat nasihat kepada industri dan orang awam berkaitan fungsi dan keperluan perundangan Jabatan; dan
- vi. Turut bersama mengambil bahagian di dalam operasi penguatkuasaan bersepadu anjuran agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
- vii. Kelab Rakan Alam Sekitar telah diwujudkan.

10. Akhir kata sebelum kita menamatkan sesi temubual ini , apakah harapan JAS Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia ini ?

Kami sebagai Jabatan yang telah diberikan amanah dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah AKAS 1974 amatlah berharap agar masyarakat awam dan pihak industri terutamanya terus memberikan kerjasama dan melibatkan diri secara bersama serta menjadi masyarakat yang lebih peka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka dan perlu melaporkan sebarang kes-kes pencemaran kepada Jabatan ini supaya tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan sewajarnya.

Alam sekitar juga hendaklah sentiasa dilihat sebagai suatu ekosistem yang mengandungi unsur-unsur warisan tabii, sistem sokongan hidup dan sumber asli dan jika digunakan dengan bijaksana akan menjamin dan meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan sosial untuk diwariskan kepada generasi kini dan akan datang dengan menekankan penggunaan sumber asli secara mampan dan menitikberatkan langkah-langkah perlindungan alam sekitar kerana alam perlukan kita untuk masa depan kita.

Mereka juga dipohon untuk menyertai program-program berkaitan alam sekitar yang dianjurkan sepanjang tahun dan bolehlah mendapatkan maklumat daripada laman facebook atau laman sesawang www.doe.gov.my.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada radio negeriFM kerana sudi memberi ruang kepada kami memberikan penerangan ringkas sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2020 ini.